

## VAKSIN: ANTARA KEBERKESANAN DAN KEKELIRUAN

Perkataan vaksin adalah berasal dari bahasa Inggeris iaitu *vaccine* yang merupakan sejenis cecair yang dimasukkan ke dalam darah bagi melindungi tubuh badan dari jangkitan penyakit.<sup>1</sup> Menurut Kamus Dewan, vaksin ialah sediaan bakteria, virus dan lain-lain yang sudah mati atau dilemahkan untuk disuntik atau ditanam ke dalam badan supaya menghasilkan daya tahan terhadap penyakit tertentu.<sup>2</sup> Dalam bahasa Arab, vaksin merupakan istilah bagi kalimah al-Laqaḥ (اللقاح).<sup>3</sup>

Secara umumnya, vaksin merupakan sejenis bahan perubatan yang digunakan untuk mencegah penyakit-penyakit tertentu seperti campak, tibi, batuk kokol, difteria, tetanus, polio dan lain-lain yang didapati bahawa penyakit-penyakit tersebut boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.<sup>4</sup> Vaksin mengandungi antigen, yang diperolehi dari sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan. Antigen dalam vaksin berfungsi untuk merangsang sistem daya lawan jangkitan (sistem imuniti) tubuh membentuk imuniti terhadap jangkitan penyakit khusus.<sup>5</sup>

Vaksin diberikan kepada pesakit menerusi program khusus yang dikenali sebagai imunisasi. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) atau WHO mendefinisikan 'imunisasi' sebagai proses bagi seseorang itu dijadikan imun (kebal) atau tahan penyakit berjangkit yang biasanya melalui pengambilan vaksin.<sup>6</sup> Imunisasi atau suntikan vaksin pelalian adalah dengan cara memasukkan sesuatu ke dalam badan yang bertujuan untuk menguatkan antibodi atau daya tahan badan terhadap penyakit. Ia hanya bertahan untuk satu jenis penyakit sahaja.

Di Malaysia, Program Imunisasi Kebangsaan telah diperkenalkan sejak awal 1950an dan vaksinasi ini diberikan secara percuma sebagai perlindungan kepada kanak-kanak daripada jangkitan *tuberculosis* (batuk kering), *hepatitis B*, *difteria*, *pertussis* (batuk kokol), *poliomyelitis*, *Haemophilus influenza type B*, *measles* (campak), *mumps* (beguk), *rubella*, *human papillomavirus* (HPV), *Japanese encephalitis* (JE) dan *Covid-19*.<sup>7</sup> Semua jenis penyakit ini memerlukan suntikan pelalian yang berbeza dan bukanlah bermakna satu dos diperlukan untuk perlindungan bagi kesemua penyakit berkenaan.

Vaksin berperanan dalam merangsang sistem daya lawan jangkitan (imun) untuk menghasilkan antibodi khusus bagi melawan penyakit tertentu. Ia menguatkan imuniti melalui rangsangan kepada sel pertahanan supaya mengenali virus atau bakteria tertentu untuk

---

<sup>1</sup> Hornby, A S. 2000. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. New York: Oxford University Press. m.s. 1492. Maksud asal: "a substance that is put into the blood and that protects the body from a disease."

<sup>2</sup> \_\_\_\_\_ . 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s. 1787.

<sup>3</sup> Farhat, Yusuf Syukriyy. 2001. *Mu'jam al-Tullab 'Arabiyy – 'Arabiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. m.s. 537. Lihat Baalbaki, Munir dan Ramzi Munir. t.t. *Al-Mawrid al-Hadeeth*. Beirut: Dar El-'Ilm Lil Malayin. m.s. 1298. Lihat Usop, Mohd Puzhi et. al. 2009. *Kamus al-Farid Arab-Arab-Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru. m.s. 237.

<sup>4</sup> Sultan Ahmad, Nurul Hidayah & Samsuddin, M.A. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic Studies*. 8(2): 16.

<sup>5</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi*. Soal Jawab. Julai.

<sup>6</sup> [https://www.who.int/health-topics/vaccines-and-immunization#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/vaccines-and-immunization#tab=tab_1) Diakses pada 18 Ogos 2021.

<sup>7</sup> *Op.cit.*

dilawan pada masa hadapan. Justeru, kesan maksimum sesuatu vaksin lazimnya akan bermula selepas dos terakhir vaksin tersebut diambil mengikut jadual imunisasi yang ditetapkan.

Berdasarkan statistik, hasil dari Program Imunisasi Kebangsaan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan mendapati bahawa peratusan penyakit cegahan vaksin semakin berkurang. Hal ini dibuktikan menerusi jumlah kematian disebabkan jangkitan penyakit yang sering dihadapi di peringkat kanak-kanak telah menurun sebanyak 85% bagi tahun 1970 hingga 2000.<sup>8</sup> Pada tahun 2011, terdapat sebanyak 158 000 kematian yang dilaporkan akibat *Measles* (campak) di seluruh dunia. Namun, penggunaan vaksin telah menunjukkan pola perubahan dari tahun 2000 hingga 2011 dengan kadar kematian menurun sebanyak 73%.<sup>9</sup>

Begitu juga dengan jangkitan pandemik Covid-19, dilaporkan bahawa jumlah pesakit dari kategori satu dan dua yang mempunyai sejarah vaksinasi masing-masing sebanyak 4.4% dan 12.4% berbanding dengan yang belum divaksin dengan kadar 95.6% dan 87.6%. Bagi kategori tiga, sebanyak 32.6% di kalangan mereka yang mempunyai vaksinasi dan 67.5% bagi yang belum divaksin. Kategori empat pula, sebanyak 14.3% di kalangan yang telah divaksin dan 85.7% adalah sebaliknya. Manakala untuk kategori lima, sebanyak 2.1% oleh mereka yang telah divaksin dan 97.9% adalah bagi mereka yang belum divaksin.<sup>10</sup>

Portal Utusan Malaysia telah memetik kenyataan daripada Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi akaun Facebook beliau yang menyatakan penyempurnaan dos lengkap vaksin Covid-19 bagi populasi dewasa (18 tahun dan ke atas) telah melebihi 40% menunjukkan penurunan bilangan kes bagi kategori tiga hingga lima. Begitu juga terdapat perkembangan yang positif di Lembah Klang, Selangor apabila menyaksikan penurunan kadar kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital bagi semua kumpulan umur. Manakala di Labuan, kadar vaksinasi lengkap telah mencapai 88.1% dan didapati tiada kes jangkitan baharu Covid-19 yang dilaporkan sehingga 14 Ogos.<sup>11</sup>

Permasalahan yang timbul ialah terdapat segelintir dalam kalangan rakyat di negara ini tidak bersetuju untuk menerima vaksin sebagai kaedah pencegahan penyakit berjangkit. Pelbagai persoalan dan persepsi yang ditimbulkan berhubung penolakan mereka terhadap penggunaan vaksin yang antaranya mengenai bahan kandungan yang terdapat dalam vaksin, memudaratkan pengguna sehingga menyebabkan pelbagai komplikasi seperti kecacatan, lumpuh, Autism, sistem pertahanan badan menjadi lemah dan kematian, sebaliknya lebih mempercayai rawatan alternatif yang lain seperti homeopati, pemakanan sunnah, susu ibu dan berbekam.<sup>12</sup>

Selain itu, terdapat juga dakwaan lain seperti rakyat dijadikan sebagai medan ujian kepada syarikat pengeluar vaksin dalam mengaut keuntungan besar dalam industri

---

<sup>8</sup> Sultan Ahmad, Nurul Hidayah & Samsuddin, M.A. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic Studies*. 8(2): 19.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843919/tiada-sejarah-vaksinasi-berisiko-tinggi-dijangkiti-covid-19> Diakses pada 19 Ogos 2021.

<sup>11</sup> <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/program-vaksinasi-turun-kadar-kemasukan-pesakit-covid-19-ke-hospital/> Diakses pada 19 Ogos 2021.

<sup>12</sup> Sultan Ahmad, Nurul Hidayah & Samsuddin, M.A. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic Studies*. 8(2): 17 – 18. Lihat Abdul Hamid, Sohana. 2019. Anti Vaksin: Apakah Natijahnya Kepada Masyarakat? *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(2): 3.

farmaseutik di samping kesempatan yang diambil oleh syarikat pengeluar vaksin tersebut yang diibaratkan seperti menangguk di air keruh dengan mengambil peluang dalam kegawatan dunia pada masa ini.<sup>13</sup> Malah, tidak kurang juga dengan kewujudan teori konspirasi yang melemahkan umat Islam.<sup>14</sup> Semua tanggapan ini secara tidak langsung telah merencatkan usaha kerajaan menerusi program imunisasi dan natijahnya menyebabkan peningkatan kes penyakit cegahan vaksin.

Secara umumnya, vaksin mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai antigen. Antigen ini sama ada dalam bentuk virus hidup, virus yang telah dimatikan, protein virus yang telah disucikan, toksin bakteria yang telah dilemahkan atau sebahagian dari struktur bakteria. Malah, ia juga mempunyai komponen tambahan seperti pengawet, penstabil, adjuvant dan beberapa komponen lain. Oleh itu, vaksin tidak mengandungi bahan yang boleh membahayakan tubuh badan.<sup>15</sup>

Bahan pengawet di dalam sesetengah vaksin berfungsi untuk menstabilkan vaksin serta mencegah pembiakan bakteria dan kulat dalam vaksin. Manakala bahan penstabil berfungsi mencegah komponen vaksin dari melekat di dinding botol vaksin. Ia mengekalkan keselamatan dan keberkesanan vaksin di dalam keadaan dan suhu yang pelbagai. Adjuvant ditambah ke dalam vaksin untuk meningkatkan tindakbalas sistem ketahanan tubuh terhadap vaksin dan antara bahan yang digunakan adalah garam aluminium (dikenali sebagai alum). Hasil kajian mendapati bahawa garam aluminium tidak memberikan sebarang kesan sampingan yang serius dalam jangka masa yang panjang. Adapun kesan kemerahan dan bengkak yang sering dihadapi oleh penerima vaksin adalah merupakan kesan yang ringan dan tidak serius.<sup>16</sup>

Bahan aktif yang terhasil dari bakteria atau virus membantu tubuh manusia menghasilkan antibodi untuk melawan penyakit apabila dijangkiti.<sup>17</sup> Terdapat sesetengah vaksin yang mengandungi bahan yang diekstrak dari bahan yang terlarang seperti gelatin babi namun ia tidak terdapat dalam semua vaksin. Tambahan pula, pihak berautoriti telah memberikan jaminan bahawa vaksin yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah bebas dari unsur babi.<sup>18</sup> Selain itu, semua vaksin yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Kesemua vaksin ini telah dinilai berdasarkan keperluan piawaian antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dari aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan (efikasi).<sup>19</sup>

Berkenaan kesan sampingan yang dihadapi oleh penerima vaksin, ia merupakan mudarat kecil yang tidak berbahaya terhadap kesan jangkitan penyakit itu sendiri. Kesan sampingan yang dilaporkan adalah seperti demam dan sakit pada tempat suntikan. Walau bagaimanapun, kesan sampingan ini kebiasaannya tidak berlanjutan lama serta akan sembuh dengan sendiri dan ia merupakan suatu tindak balas terhadap tubuh badan selepas menerima

---

<sup>13</sup> <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/01/667091/menyanggah-mufti-maya> Diakses pada 20 Ogos 2021.

<sup>14</sup> Ramli, Mohd Anuar et. al. 2019. Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-Kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(2): 26.

<sup>15</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi*. Soal Jawab. Julai.

<sup>16</sup> *Ibid*.

<sup>17</sup> Penjelasan Terhadap Keraguan Suntikan Vaksin (Imunisasi). Kenyataan Akhbar Bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

<sup>18</sup> Tengku Md Fauzi, Tengku Fatimah Azzahra & Ramli, Mohd Anuar. 2017. Penetapan Keperluan Vaksinasi Terhadap Kanak-Kanak Oleh Pemerintah Menurut Perspektif Islam. *ISLAC*. t.j.(t.b.): 7.

<sup>19</sup> *Op. cit*.

suntikan vaksinasi.<sup>20</sup> Dakwaan yang mengatakan bahawa vaksin mengakibatkan autisma adalah berpunca dari Teori Wakefield. Teori ini kemudiannya telah ditarik balik kerana bersifat tidak benar, tidak berwibawa serta tiada kajian kukuh yang boleh mengaitkan vaksin dengan autism.<sup>21</sup>

Rawatan homeopati merupakan antara yang menjadi pilihan segelintir dari masyarakat di negara ini di samping pengambilan makanan Sunnah seperti habbatus sauda', madu, tahnik dan berbekam sebagai alternatif dari pengambilan vaksin. Namun sehingga kini, belum terdapat kajian saintifik yang membuktikan bahawa rawatan homeopati berkesan dalam pencegahan penyakit berjangkit. Malah, Majlis Perubatan Homeopati Malaysia turut sependapat dengan badan-badan homeopati antarabangsa yang menyarankan pengambilan vaksinasi sebagai rawatan penyakit berjangkit.<sup>22</sup>

Berkenaan pengambilan makanan Sunnah pula, ia merupakan kategori makanan tambahan bagi penjagaan kesihatan individu. Walau bagaimanapun, kajian terkini membuktikan bahawa kaedah tersebut tidak menghasilkan impak positif kepada indikator kesihatan malah ia tidak seharusnya diamalkan secara selektif mengikut pertimbangan sendiri kerana yang diutamakan dalam Islam bukan hanya meliputi jenis makanan tetapi turut merangkumi cara pengambilannya. Tegasnya, makanan tambahan hanya bersifat sebagai perlindungan umum dalam pencegahan awal dan perlu diamalkan sepanjang masa berbanding dengan vaksin dan ubat-ubatan yang lebih bersifat khusus untuk rawatan penyakit tertentu.<sup>23</sup>

Sehingga kini, sebanyak 12 keputusan yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia berhubung imunisasi. Antaranya seperti berikut:<sup>24</sup>

Bil	Tajuk	Tahun
1	Ubat Pelalian Rubela (Imunisasi Rubela)	1988
2	Imunisasi <i>Hepatitis B</i> Menurut Islam	1988
3	Pandangan Islam Terhadap Imunisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Dipteria, Tetanus dan Polio	1988
4	Hukum Suntikan Pelalian Vaksin ' <i>Meningococcal Meningitis</i> ' Oleh Orang Islam	2002
5	Hukum Suntikan <i>Botulinum Toxin Type A</i> (BTA)	2006
6	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Biothrax</i> Dan Vaksin <i>Rotateq</i> Yang Menggunakan Unsur Babi Dalam Proses Penghasilannya	2008
7	Hukum Pengambilan Vaksin <i>Human Papilloma Virus</i> (HPV)	2010
8	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningitis Menveo</i>	2013

<sup>20</sup> *Op. cit.*

<sup>21</sup> Abdul Hamid, Sohana. 2019. Anti Vaksin: Apakah Natijahnya Kepada Masyarakat? *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(2): 4.

<sup>22</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi*. Soal Jawab. Julai.

<sup>23</sup> <https://www.ikim.gov.my/index.php/2020/02/20/makanan-sunnah-dan-trend-penyakit/> Diakses pada 21 Ogos 2021.

<sup>24</sup> \_\_\_\_\_. 2014. *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu-Isu Sains & Perubatan Huraian & Penjelasan*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 17 – 18, 21, 50 – 54, 63 – 66, 90 – 92 dan 121 – 123. Lihat \_\_\_\_\_. 2018. *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. m.s. 137 dan 142.

9	Kajian Semula Hukum Penggunaan Vaksin <i>Meningitis Monumen</i>	2014
10	Hukum Penggunaan Vaksin <i>Menactra®</i>	2015
11	Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19	2020
12	Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19 Bagi Ibu Hamil	2021

Jika dilihat secara holistik, asas pemvaksinan ialah mencegah jangkitan penyakit berjangkit dan merupakan salah satu dari amalan perubatan yang berkait dengan kesihatan awam. Oleh itu, langkah penyelesaian terhadap masalah kesihatan bukan sahaja melalui kaedah rawatan malah ia turut membabitkan pencegahan. Dalam Islam, Allah SWT melarang orang yang beriman dari melakukan kemudaratan terhadap diri sendiri dan orang lain. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَلَا تُقْتُلُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Bermaksud: “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil);”

Berkata al-Sya’bi:<sup>25</sup> “Ayat ini diturunkan kepada kaum Ansar disebabkan mereka telah menahan harta mereka dari berinfak ke jalan Allah.” Dalam sebuah *athar*, al-Dhahhak bin Abi Jabirah berkata:

وكانت الأنصار يتصدقون، ويعطون ما شاء الله حتى أصابتهم سنة، فأمسكوا، فأنزل الله:  
 ﴿وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ  
 اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

Bermaksud: “Kaum Ansar dahulunya sangat suka mengeluarkan sedekah dan mereka memberikan dengan apa-apa yang dikehendaki oleh Allah sehinggalah mereka ditimpa dengan tahun (kelaparan). Lalu, mereka menahan (harta mereka). Maka, Allah SWT menurunkan ayat yang bermaksud: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Riwayat Ibnu Hibban (5709)

Almarhum Prof. Dr. Hamka ketika memberi ulasan berhubung ayat di atas menjelaskan, melemparkan diri dalam kebinasaan ialah kerana bakhil, takut mengeluarkan wang serta malas berkorban. Disebabkan tabiat malas tersebut maka musuh kian berleluasa.<sup>26</sup> Oleh itu dapatlah difahami bahawa, serangan penyakit berjangkit adalah salah satu bentuk peperangan dalam kerangka menjaga kesihatan dan nyawa. Maka, wajib ke atas umat Islam bagi merancang

<sup>25</sup> Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2009. *Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syari‘ah wa al-Minhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Jil. 1. m.s. 544.

<sup>26</sup> Amrullah, Abdul Malik Abdul Karim. t.t. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jil. 1. m.s. 451.

strategi tertentu dari dijangkiti oleh penyakit terbabit yang antaranya ialah menerusi program imunisasi yang diperkenalkan oleh kerajaan. Langkah ini dilihat bertepatan dengan tuntutan syarak kerana vaksin berfungsi menghalang penularan penyakit-penyakit berbahaya yang boleh mengancam nyawa.

Hakikatnya, kuasa penyembuhan bagi sesuatu penyakit adalah merupakan hak mutlak Allah SWT. Sebagai hamba-Nya, kita hanya mampu berikhtiar sedaya upaya yang mungkin bagi mencari penawar. Malah, Rasulullah SAW turut menyarankan kepada umatnya agar mencari penawar apabila ditimpa sesuatu penyakit menerusi sabda Baginda:

تداووا، عباد الله! فإن الله سبحانه لم يضع داء إلا وضع معه شفاء إلا الهمم

Bermaksud: *"Hendaklah kamu berubat, wahai hamba Allah! Sesungguhnya Allah tidak menjadikan penyakit melainkan ada penawarnya kecuali satu penyakit sahaja iaitu penyakit tua."*

Riwayat Ibnu Majah (3436)

Terdapat hadis lain yang merupakan saranan agar mengambil langkah pencegahan dari penularan sesuatu penyakit seperti wabak taun. Sabda Rasulullah SAW:

إذا سمعتم بالطاعون في أرض فلا تدخلوها، وإذا وقع بأرض وأنتم بها فلا تخرجوا منها

Bermaksud: *"Jika kalian mendengar tentang wabak taun di sesuatu, maka janganlah kalian memasuki tempat tersebut. Sekiranya wabak penyakit tersebut terkena di sesuatu tempat dan kalian sedang berada di tempat itu, maka janganlah kalian keluar dari kawasan tersebut."*

Riwayat al-Bukhari (5728)

Terdapat juga larangan dari menggunakan ubat-ubatan yang berasaskan sumber yang haram. Sabda Rasulullah SAW:

إن الله عز وجل أنزل الداء والدواء، وجعل لكل داء دواء، فتداووا، ولا تداووا بحرام

Bermaksud: *"Sesungguhnya Allah 'Azzawajalla telah menurunkan penyakit dan menurunkan juga ubatnya. Maka, berubatlah kamu semua dan janganlah kamu berubat dengan perkara-perkara yang haram."*

Riwayat Abu Daud (3874)

Dalam keadaan tertentu seperti ketiadaan ubat-ubatan dari sumber yang halal bagi mengubati sesuatu penyakit, maka penggunaan ubat-ubatan yang berasaskan sumber yang haram adalah diharuskan. Dalam hal ini, keharusan pengambilan ubat-ubatan dari sumber yang haram adalah mengikut kadar keperluan sahaja. Oleh itu, ia tidaklah menjadi kesalahan berhubung penggunaannya kerana faktor keperluan yang bersifat mendesak. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 173:

فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Bermaksud: “Maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Meskipun ayat di atas menjelaskan berhubung keharusan mengambil makanan yang haram kerana darurat maka lebih-lebih lagi diutamakan dalam pengambilan ubat-ubatan kerana ia melibatkan faktor nyawa dan kesihatan setelah segala ikhtiar telah dilakukan (bagi mendapatkan sumber yang halal). Dalam mempertimbangkan keharusan ini, terdapat syarat-syarat tertentu yang ditetapkan untuk memastikan agar keperluan yang berada di peringkat darurat tersebut telah dipenuhi. Antara syarat-syarat tersebut ialah:<sup>27</sup>

- a. Berlaku atau wujud satu keadaan yang terdapatnya kemusnahan atau kemudaratan terhadap lima perkara asas ataupun kemusnahan telah dipastikan akan berlaku atau berdasarkan sangkaan yang kuat berpandukan pengetahuan atau pengalaman-pengalaman.
- b. Seseorang yang berada dalam keadaan darurat itu bertentangan dengan perintah atau larangan syarak atau tidak terdapat sesuatu yang diharuskan oleh syarak untuk menghilangkan kemudaratan melainkan dengan perkara yang ditegah.
- c. Mestilah dipastikan bahawa kewujudan benda-benda halal yang lain tidak dapat menghindarkan kemudaratan yang menimpa pesakit
- d. Pengambilan ubat-ubatan yang haram itu sekadar keperluan sahaja
- e. Pada waktu pengubatan, pengambilan ubat-ubatan yang haram itu hendaklah dipastikan dan diperakui oleh seorang doktor muslim yang adil.

Penyakit berjangkit yang memerlukan pencegahan menerusi vaksin ini adalah bersifat menular dan hal ini mengakibatkan berlakunya mafsadah dan kemudaratan yang lebih besar kepada diri, masyarakat dan negara sekiranya tidak dibendung dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, vaksinasi adalah memenuhi lima prinsip utama *dharuriyyat al-khams* dalam Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan dari sudut agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

**Pertama: Hifz al-Din (Memelihara Agama)<sup>28</sup>**

Program Vaksinasi Kebangsaan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah merupakan langkah awal dalam usaha mengelakkan penyebaran penyakit-penyakit cegahan vaksin dari merebak. Oleh yang demikian, program vaksinasi yang dijalankan turut memenuhi tuntutan

---

<sup>27</sup> Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi*. Soal Jawab. Julai.

<sup>28</sup> Sultan Ahmad, Nurul Hidayah & Samsuddin, M.A. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic Studies*. 8(2): 22 - 23.

agama dalam aspek penjagaan kesihatan agar kelangsungan ibadah dapat diteruskan oleh umat Islam.

**Kedua:** *Hifz al-Nafs* (Memelihara Nyawa)

Vaksin bertujuan menguatkan imuniti tubuh seseorang melalui rangsangan kepada sel pertahanan supaya mengenali bakteria atau virus tertentu pada masa hadapan. Oleh itu, ia adalah bertujuan untuk menghasilkan antibodi yang khusus untuk penyakit tertentu.

**Ketiga:** *Hifz al-'Aql* (Memelihara Akal)

Vaksin berperanan melindungi tubuh badan dari penyakit yang berbahaya bagi melahirkan individu yang sihat. Justeru, tubuh badan yang sihat akan mencetuskan kecerdasan akal, pemikiran yang positif dan emosi yang seimbang.

**Keempat:** *Hifz al-Nasl* (Memelihara Keturunan)

Pengambilan vaksin bukan sahaja memberi perlindungan kepada individu malah turut melindungi anggota keluarga dan masyarakat dan inilah yang dinamakan sebagai imuniti kelompok. Sebaliknya, jika terdapat segelintir yang menolak pengambilan vaksin maka kehidupan dalam kalangan keluarga dan masyarakat akan terjejas dan sebagai natijahnya kemudaratan akan menular sehingga kehilangan nyawa.

**Kelima:** *Hifz al-Mal* (Memelihara harta)

Proses pemvaksinan tidak memerlukan sejumlah wang bagi memperolehnya. Hal ini kerana segala kos telah ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan demi memastikan mutu kesihatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Sebaliknya, jika memilih untuk rawatan alternatif maka sudah tentu memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi namun belum dapat dipastikan akan manfaat kesembuhan berkenaan.

Adapun mengenai dakwaan daripada sesetengah pihak bahawa vaksin merupakan konspirasi yang telah dirancang oleh pihak tertentu bagi melemahkan kekuatan umat Islam merupakan satu dakwaan yang masih belum terbukti sehingga kini. Pada era siber masa kini, sudah tentu segala maklumat mudah diperolehi di hujung jari namun sebagai peringatan bersama bukan semua maklumat berkenaan boleh diyakini kesahihannya tanpa diselidik dengan lebih mendalam mengenainya. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ  
نَلِيمِينَ

Bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu



tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Sabda Rasulullah SAW:

التَّائِي مِنَ اللَّهِ وَالْعَجَلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Bermaksud: “Menyelidik dengan tenang adalah dari Allah dan bersikap tergepoh-gepoh adalah dari syaitan.”

Riwayat Ibnu Hibban (20270)

Isu-isu berkenaan kesihatan sewajarnya dijelaskan oleh golongan yang berkepakaran dalam bidang perubatan. Apatah lagi sekiranya ia diberi kepercayaan oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan kemelut sesuatu wabak maka sudah tentulah nasihat dan saranan yang diberikan oleh pakar-pakar perubatan ini sangat kompeten untuk diterima lebih-lebih lagi apabila dinilai untuk diberi pertimbangan hukum. Golongan yang berkepakaran atau diistilahkan sebagai Ahlu al-Khibrah (أهل الخبرة) merupakan pihak yang berautoriti untuk diterima pandangan serta saranan lalu dipertimbangkan sebelum sesuatu fatwa itu dikeluarkan. Hal ini menepati kriteria yang telah ditetapkan di dalam al-Quran menerusi surah al-Nahl ayat 43:

فَسَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Bermaksud: “Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.”

Sungguhpun maksud Ahlu al-Zikr (أهل الذِّكْرِ) menerusi ayat di atas menurut ahli tafsir adalah merujuk kepada golongan ahli kitab dalam kalangan Yahudi dan Nasrani namun ayat ini juga turut memberi maksud umum kerana ia turut dikaitkan dengan orang yang mempunyai pengetahuan yang luas. Oleh yang demikian, ayat ini merupakan saranan terhadap seseorang agar mengambil ilmu daripada golongan yang berkeahlian kerana asas utama dalam menuntut ilmu ialah untuk mencari kebenaran.<sup>29</sup> Secara umumnya, ilmu ditakrifkan sebagai:

إِدْرَاكُ الشَّيْءِ بِحَقِيقَتِهِ

Bermaksud: “Mengetahui akan sesuatu berdasarkan hakikatnya.”

Program Imunisasi Kebangsaan ini menepati prinsip syarak kerana peranannya dalam melindungi individu dan kelompok dari serangan penyakit berjangkit. Jika ditinjau dari sudut fiqh, terdapat beberapa kaedah yang menyatakan:

إِذَا تَعَارَضَتْ مَصْلَحَتَانِ رُوعِي أُعْلَاهُمَا بِتَفْوِيتِ أُدْنَاهُمَا

<sup>29</sup> Amrullah, Abdul Malik Abdul Karim. t.t. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jil. 5. m.s. 3917.

Bermaksud: “Apabila bertembung antara dua masalah atau kepentingan maka masalah yang lebih besar didahulukan dari masalah yang kecil.”

لا ضرر ولا ضرار

Bermaksud: “Tidak memudaratkan dan tidak memberi kemudahan.”

درء المفسد مقدم على جلب المصالح

Bermaksud: “Menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan.”

إذا تعارضت مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

Bermaksud: “Apabila terjadi pertentangan antara dua kerosakan maka yang lebih besar bahayanya diperhitungkan dengan melakukan yang lebih ringan.”

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Bermaksud: “Asal bagi segala sesuatu adalah diharuskan sehingga terdapat dalil yang menunjukkan hukum harus terhapus.”

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Bermaksud: “Tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan kemaslahatan.”

Kesimpulannya, nikmat kesihatan adalah merupakan salah satu nikmat yang wajib disyukuri dan dipelihara. Dalam meniti kehidupan ini, manusia tidak akan terlepas dari pelbagai ujian termasuklah diuji dengan sesuatu penyakit. Namun begitu, dalam mencari penawar maka hendaklah berusaha bagi mendapatkannya menerusi pihak yang berkepakaran. Vaksinasi adalah terbukti dapat mencegah dari penularan jangkitan penyakit kerana ia telah melalui ujian rawak klinikal yang sangat ketat serta didokumentasikan segala kesan sampingan yang berpotensi berlaku. Kesedaran umum berkenaan pentingnya vaksinasi adalah perlu agar sasaran imuniti kelompok dapat dicapai sepertimana yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memastikan kehidupan yang sihat dapat terbina sejajar dengan tuntutan agama.

## RUJUKAN

1. \_\_\_\_\_. 2014. *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu-Isu Sains & Perubatan Huraian & Penjelasan*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
2. \_\_\_\_\_. 2018. *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. t.t.: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
3. \_\_\_\_\_. 2019. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Abdul Hamid, Sohana. 2019. Anti Vaksin: Apakah Natijahnya Kepada Masyarakat? *Journal of Social Sciences and Humanities*. 16(2)
5. Al-Zuhayliyy, Wahbah. 2009. *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Minhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr. Jil. 1.
6. Amrullah, Abdul Malik Abdul Karim. t.t. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jil. 1. & Jil. 5.
7. Baalbaki, Munir dan Ramzi Munir. t.t. *Al-Mawrid al-Hadeeth*. Beirut: Dar El-'Ilm Lil Malayin.
8. Basmeih, 'Abdullah. t.t. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
9. Farhat, Yusuf Syukriyy. 2001. *Mu'jam al-Tullab 'Arabiyy – 'Arabiyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
10. Hornby, A S. 2000. *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. New York: Oxford University Press.
11. Kementerian Kesihatan Malaysia. 2015. *Soalan Lazim Mengenai Vaksin dan Imunisasi*. Soal Jawab. Julai.
12. Penjelasan Terhadap Keraguan Suntikan Vaksin (Imunisasi). Kenyataan Akhbar Bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
13. Ramli, Mohd Anuar et. al. 2019. Autoriti Kerajaan Dalam Mewajibkan Vaksinasi Kanak-Kanak: Kajian Menurut Perspektif Hukum Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6(2)

14. Sultan Ahmad, Nurul Hidayah & Samsuddin, M.A. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Isu Penerimaan dan Penolakan Vaksin Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Islamic Studies*. 8(2)
15. Tengku Md Fauzi, Tengku Fatimah Azzahra & Ramli, Mohd Anuar. 2017. Penetapan Keperluan Vaksinasi Terhadap Kanak-Kanak Oleh Pemerintah Menurut Perspektif Islam. *ISLAC*. t.j.(t.b.)
16. Usop, Mohd Puzhi et. al. 2009. *Kamus al-Farid Arab-Arab-Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
17. *Utusan Malaysia*. Ogos 1. 2016: Vaksin: "Menerima Pendapat Pakar."
18. [https://www.who.int/health-topics/vaccines-and-immunization#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/vaccines-and-immunization#tab=tab_1)
19. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/843919/tiada-sejarah-vaksinasi-berisiko-tinggi-dijangkiti-covid-19>
20. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/program-vaksinasi-turun-kadar-kemasukan-pesakit-covid-19-ke-hospital/>
21. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/01/667091/menyanggah-mufti-maya>
22. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2020/02/20/makanan-sunnah-dan-trend-penyakit/>